

TINJAUAN PELAKSANAAN KAEDAH PENGAJARAN ANDRAGOGI  
DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

HANIM BINTI PAIMIN  
HANIZA BINTI KANDAR  
ZAIHAN BINTI HARON

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2001



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNJUKU TUN AMINAH

*Untuk ayah, ibu dan keluarga kami yang tersayang*

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat penulis menyiapkan kajian ini dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan. Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis, Tuan Haji Sapon Bin Ibrahim di atas dorongan dan segala tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang tempoh proses menyempurnakan pengkajian tesis ini.

Kepada Encik Aziz Bin A. Hamid, sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan di atas kesudian mencetuskan idea untuk melaksanakan pengkajian ini.

Ucapan terima kasih juga kepada semua staf dan kakitangan di Jabatan Pendidikan Kemanusiaan Dan Komunikasi, Pusat Media dan Perpustakaan KUiTTHO kerana sudi membantu serta meluangkan masa untuk menyediakan bahan-bahan rujukan yang penulis perlukan.

Kepada sahabat-sahabat penulis yang sudi melakukan sumbangsaran idea sama ada secara langsung atau tidak langsung serta rakan seperjuangan yang lain, setinggi-tinggi ucapan terima kasih dihulurkan.

Akhir sekali kepada ayah, ibu dan keluarga yang tercinta yang sanggup berkorban dan kesabaran mendidik serta mendoakan kejayaan penulis sepanjang tempoh perlaksanaan pengkajian ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa baik dari kalian semua.

## ABSTRAK

Andragogi didefinisikan sebagai suatu sastera dan sains yang membantu golongan dewasa untuk belajar. Andragogi merupakan alternatif kepada prinsip pembelajaran pedagogi dan merujuk kepada pendidikan secara berorientasikan pelajar. Teori andragogi mengikut Knowles merupakan suatu teori yang dibina khusus untuk pelajar dewasa. Knowles menegaskan bahawa golongan dewasa mempunyai sentimen pengarahannya sendiri dan mampu untuk bertanggungjawab dalam membuat keputusan. Menurut Knowles, andragogi mempunyai empat teori asas iaitu, golongan dewasa perlu mengetahui mengapa mereka mempelajari sesuatu atau dikenali juga konsep diri, golongan dewasa perlu belajar berdasarkan pengalaman, golongan dewasa perlu belajar melalui orientasi pembelajaran penyelesaian masalah dan pembelajaran golongan dewasa menjadi lebih menarik apabila topik yang dipelajari mempunyai nilai yang berkaitan dengan diri pelajar atau dikenali sebagai ketersediaan untuk belajar.

Objektif kajian kes ini adalah untuk mengkaji pelaksanaan kaedah pengajaran andragogi di KUiTTHO. Ia adalah untuk memastikan sama ada empat teori asas andragogi dilaksanakan atau sebaliknya. Kajian kes ini juga bermatlamat, dapat menjadi panduan kepada para pensyarah di KUiTTHO di dalam memperbaiki mutu pengajaran mereka.

Kajian kes ini terbahagi kepada lima bab iaitu Bab 1: Pendahuluan, Bab II: Sorotan Kajian, Bab III: Metodologi, Bab IV: Analisis Data dan Bab V adalah Kesimpulan dan Cadangan. Untuk tujuan kajian kes ini, sebanyak lebih tiga ratus borang kaji selidik telah diedarkan kepada para pelajar di KUiTTHO yang dipilih secara rawak.

## ABSTRACT

Andragogy defined as the art and science of helping adults learn. The term currently defines an alternatives to pedagogy and refers to leaner-focused education. Knowles, theory of andragogy ia an attempt to develop theory specifically for adult learning. Knowles emphasizes that adults are self-directed and expect to take responsibility for decisions. Andragogy according to Knowles, focuses on four basics theories: adults needs to know why they need to learn something, or its significance with relation to their work or personal lives, adults need to learn experientially, adults approach learning as problem-solving and, adults learn best when the topic is of immediate value or has relevance to their work or personal lives.

The objective of this case study is to investigate the implimentation of andragogy's concept toward the process of teaching in KUiTTHO. It is to ensuring either all the four basic theories of andragogy has been applied in KUiTTHO or vice-versa. It is also the aim of this case study to be as a guidance to lecturers of KUiTTHO to improve their process of lecturing.

The case study is divided into five chapters which it is contains Introduction, Literature Review, Methodology, Data Analysis and Recommendation. For the purpose of the case study, over three hundreds sets of questionares were sent to all the students of KUiTTHO as randomly.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	KANDUNGAN	ii
	SENARAI RAJAH	vi
	SENARAI JADUAL	vii
	<b>BAHAGIAN SATU</b>	
	<b>PENDAHULUAN</b>	
<b>BAB I</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	2
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Soalan Kajian	5
	1.5 Kepentingan Kajian	5
	1.6 Skop Kajian	6
	1.7 Definisi Istilah	6

**BAHAGIAN DUA**  
**SOROTAN PENULISAN**

**BAB II        SOROTAN KAJIAN**

2.0	Pengenalan	8
2.1	Kepentingan Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Andragogi	9
2.2	Empat Teori Andragogi Malcolm Knowles	12

**BAHAGIAN TIGA**  
**METODOLOGI**

**BAB III        METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	14
3.1	Rekabentuk Kajian	14
3.2	Kerangka Kerja Operasi	16
3.3	Tempat Kajian	17
3.4	Populasi	17
3.5	Sampel Kajian	17
3.6	Sumber Data	18
3.7	Instrumen Kajian	18
3.9	Prosedur Kajian	19
3.10	Analisis Data	20
3.11	Andaian	21
3.12	Limitasi Kajian	21
3.13	Penutup	22

**BAHAGIAN EMPAT  
ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

**BAB IV ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

4.0	Pengenalan	23
4.1	Kaedah Analisis Data	23
4.2	Keputusan Soal Selidik	24
4.2.1	Konsep Diri	25
4.2.2	Pengalaman	30
4.2.3	Ketersediaan Untuk Belajar	34
4.2.4	Orientasi Pembelajaran	40
4.3	Penutup	46

**BAHAGIAN LIMA  
KESIMPULAN DAN CADANGAN**

**BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	47
5.1	Cadangan Kajian	48
5.1.1	Cadangan Untuk Kementerian Pendidikan	48
5.1.2	Cadangan Untuk Tenaga Pengajar Di Semua Institut Pengajian Tinggi	49
5.1.3	Cadangan Untuk KUiTTHO	49
5.2	Cadangan Kajian Seterusnya	52
5.2.1	Kaedah Pembelajaran Secara Andragogi	52



5.2.2	Pengkajian Secara Sistemik	53
5.2.3	Memfokuskan Kepada Setiap Andaian Teori Andragogi Malcolm Knowles	53
5.2.4	Mengemukakan Permasalahan Dan Kebaikan Pengajaran Dan Pembelajaran Andragogi	54
5.3	Kesimpulan	54

## BAHAGIAN ENAM

### LAMPIRAN

RUJUKAN

56-57

LAMPIRAN

58-63



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

## SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.2.1.1	Peratus Keseluruhan Responden Mengenai Konsep Diri	26
4.2.1.2	Peratusan Responden Mengenai Konsep Diri	28
4.2.2.1	Peratus Keseluruhan Responden Mengenai Pengalaman	31
4.2.2.2	Peratusan Responden Mengenai Pengalaman	32
4.2.3.1	Peratus Keseluruhan Responden Mengenai Ketersediaan Untuk Belajar	35
4.2.3.2	Peratusan Responden Mengenai Ketersediaan Untuk Belajar	37
4.2.4.1	Peratus Keseluruhan Responden Mengenai Orientasi Pembelajaran	41
4.2.4.2	Peratusan Responden Mengenai Orientasi Pembelajaran	42

**SENARAI JADUAL**

<b>NO JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.2.1.2	Peratus Keseluruhan Responden Mengenai Konsep Diri	26
4.2.1.2	Peratusan Responden Mengenai Konsep Diri	27
4.2.2.2	Peratus Keseluruhan Responden Mengenai Pengalaman	30
4.2.2.2	Peratusan Responden Mengenai Pengalaman	32
4.2.3.1	Peratus Keseluruhan Responden Mengenai Ketersediaan Untuk Belajar	35
4.2.3.2	Peratusan Responden Mengenai Ketersediaan Untuk Belajar	36
4.2.4.1	Peratus Keseluruhan Responden Mengenai Orientasi Pembelajaran	40
4.2.4.2	Peratusan Responden Mengenai Orientasi Pembelajaran	42

BAHAGIAN I  
PENGENALAN



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN KU TUN AMINAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) telah ditubuhkan pada 16 September 1993 dengan matlamat utama penubuhannya ialah untuk melatih dan melahirkan golongan tenaga pengajar yang berkualiti untuk politeknik-politeknik di Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Keenam dengan penghasilan graduan-graduan yang berkelayakan Sarjana Pendidikan (Teknikal). ITTHO telah mengalami perubahan dan perkembangan positif dengan menambahkan bilangan kursus yang ditawarkan iaitu ijazah di dalam pelbagai bidang Sains Kejuruteraan dan Kejuruteraan dengan Pendidikan. Mulai 1 Oktober 2000, ITTHO telah dinaiktarafkan sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) sebagai satu pengiktirafan terhadap kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh ITTHO.

Sebagai pusat yang melahirkan golongan tenaga pengajar yang bakal merealisasikan usaha mendidik anak bangsa, maka kualiti keluaran bakal-bakal tenaga pengajar politeknik amat dititikberatkan. Oleh itu semasa proses pemerolehan ilmu melalui proses pengajaran dan pembelajaran, kesesuaian kaedah pengajaran perlu diberi perhatian serius. Menyedari hakikat ini konsep pengajaran secara andragogi telah

diimplimentasikan di KUiTTTHO. Andragogi secara umum ditakrifkan sebagai sains dan seni yang dapat membantu pembelajaran golongan dewasa (Malcolm Knowles, 1970). Ia berbeza dengan konsep pedagogi iaitu sains dan seni untuk mendidik golongan kanak-kanak dan lebih bertumpu kepada pengarahannya guru dalam melaksanakan kurikulum yang berpiawai (Gayle Perry, 2000).

### 1.1 Latar Belakang Masalah

Menyedari hakikat bahawa golongan pelajar KUiTTTHO adalah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula 18 tahun ke atas pelaksanaan konsep pengajaran andragogi adalah satu kaedah yang paling sesuai semasa proses pemerolehan ilmu pengetahuan. Menurut R. Bernard Lovell (1987), golongan pelajar peringkat umur ini adalah unik dan telah mempunyai pengalaman hidupnya sendiri. Banyak faktor boleh mempengaruhi kaedah dan cara pengajaran dan pembelajaran golongan dewasa ini sama ada dari segi personaliti, gaya pemikiran, pengalaman, motivasi ataupun persepsi diri. Andragogi secara kerangkakerja konsepnya mempunyai empat andaian asas iaitu konsep diri, pengalaman, kesediaan untuk belajar dan orientasi pembelajaran secara penyelesaian masalah.

Menurut Malcolm Knowles (Chris Lee, 1998), andragogi lebih menekankan kepada rekabentuk proses pembelajaran dan pengajaran dan tidak bertumpu kepada kandungan utama pelajaran yang perlu disampaikan kepada pelajar melalui transformasi media yang sesuai. Oleh yang demikian, untuk mendapatkan keberkesanan dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam jangka panjang daripada pengajaran guru, maka aktiviti persembahan (presentation) dan pengambilan semula maklumat adalah amat penting (Allen & Mahler Estes, 1969). Manakala, menurut Ausebel (1980) pula

menyatakan bahawa pembelajaran menjadi lebih baik dan berkesan apabila ia berkait dengan pengalaman (*advance organizer*) yang telah dimiliki oleh seseorang individu tersebut (Grotelueschen & Sjorgren, 1968). Oleh yang demikian, pelaksanaan sepenuhnya kaedah pengajaran andragogi yang berteraskan empat teori andaian itu iaitu konsep diri, pengalaman, ketersediaan untuk belajar dan orientasi pembelajaran secara penyelesaian masalah yang diutarakan oleh Malcolm Knowles banyak memberi implikasi kepada pembentukan sahsiah dan kualiti diri golongan pelajar tersebut (Allen Roger, 1994).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Sehubungan dengan itu, Donald Clark (1999) dalam kenyataannya menjelaskan bahawa andragogi lebih memberi penekanan kepada usaha untuk memudahkan proses pemerolehan isi kandungan pelajaran. Keadaan ini selari dengan kenyataan Bob Mont (2000), bahawa andragogi dapat membantu guru-guru untuk menilai dan menentukan strategi-strategi yang berpadanan dalam usaha untuk mencapai matlamat-matlamat dalam pengajarannya. Ini kerana menurut hasil dapatan kajian Bob Mont (2000) dari Universiti Illinois State, mendapati bahawa pendidik memberi penekanan yang lebih kepada andragogi tetapi berlawanan dengan persepsi pelajar bahawa penekanan lebih diberikan kepada pedagogi.

Oleh yang demikian, melalui pengkajian ini, pengkaji berusaha untuk melihat pelaksanaan pengajaran secara andragogi di KUiTTHO dengan mengambilkira empat andaian teori andragogi Malcolm Knowles sebagai asas panduan untuk menentukan maksud andragogi. Ini memandangkan pelaksanaan pengajaran yang sedang berlangsung sewajarnya mempunyai ciri-ciri di dalam premis teori andragogi iaitu

daripada pelaksanaan konsep diri, pengajaran dan pengalaman, ketersediaan untuk belajar dan orientasi pembelajaran untuk memastikan andragogi telah dilaksanakan secara sepenuhnya. Menurut Stephen Brokfield (1986), andragogi ialah:

*“.....aset of assumptions concerning adult learning processes from which we can derive a number of injunctions concerning appropriate teaching methods.”*

**Bagaimanakah pelaksanaan penggunaan kaedah pengajaran andragogi berdasarkan teori Malcolm Knowles di KUiTTHO?**

Dengan adanya pernyataan masalah tersebut maka pengkaji akan menumpukan usaha ke arah memenuhi persoalan yang dinyatakan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, maka objektif kajian ini akan terarah kepada perkara-perkara berikut:

- 1.3.1 Meninjau keperluan psikologikal yang mempengaruhi kesedaran pelajar untuk belajar.
- 1.3.2 Mengenalpasti peranan pengalaman lalu sebagai sumber yang mempengaruhi proses pembelajaran pelajar.
- 1.3.3 Meninjau kebolehan pelajar menghubungkan antara keperluan hidup dengan pembelajaran.
- 1.3.4 Meninjau sama ada berlaku pembelajaran secara penyelesaian masalah semasa pengajian pelajar.



## 1.4 Soalan Kajian

Berasaskan kepada objektif-objektif kajian seperti yang dinyatakan di atas, maka soalan-soalan kajian yang akan dikemukakan adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Adakah keperluan psikologikal mempengaruhi pelajar dalam memberi kesedaran untuk pelajar?
- 1.4.2 Adakah pengalaman lalu menjadi sumber utama yang mempengaruhi pelajar dalam proses pembelajarannya?
- 1.4.3 Adakah keperluan penghidupan mendorong pelajar untuk meneruskan pembelajarannya?
- 1.4.4 Adakah orientasi pembelajaran secara penyelesaian masalah diaplikasikan dalam proses pembelajaran pelajar dan dalam proses pengajaran pensyarah?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri kepada aktiviti pendidikan secara umumnya. Kajian ini bermotifkan untuk melihat pelaksanaan pengajaran secara andragogi berdasarkan teori Malcolm Knowles di KUiTTHO. Adalah diharapkan melalui keputusan kajian ini akan dapat meningkatkan lagi kualiti pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di KUiTTHO. Di samping itu juga, adalah diharapkan kajian ini dapat membantu golongan pendidik menilai dan menentukan strategi-strategi yang perlu dilaksanakan untuk mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan, selain untuk memberi kefahaman pelajar terhadap konsep pengajaran dan pembelajaran sebenar secara andragogi (Bob Mont, 2000) yang jelas kerana ia

memberi kesan langsung kepada kualiti diri pelajar setelah menamatkan pengajian kelak dalam konteks komunikasi dan kepimpinan.

## 1.6 Skop Kajian

Secara keseluruhannya, skop kajian ini terhad dan akan dijalankan ke atas pelajar-pelajar di KUiTHHO. Pemilihan skop kajian terhadap para pelajar ini adalah kerana kaedah pengajaran yang sedang berlangsung bagi semua peringkat kursus yang ditawarkan di KUiTTHO adalah sama, iaitu melalui pendekatan pengajaran andragogi. Oleh yang demikian, pemilihan dan keputusan yang diperolehi pelajar responden ini akan mewakili keseluruhan jawapan pelajar-pelajar di KUiTTHO. Kumpulan pelajar ini berusia dalam lingkungan 18 hingga 40 tahun ini, telah mengalami sepenuhnya transisi daripada peringkat kanak-kanak kepada kelompok dewasa yang telah mempunyai pengalaman sosial dan mereka lebih berminat untuk meningkatkan kemajuan diri dan kerjaya (R. Bernard Lovell, 1987).

## 1.7 Definisi Istilah

Bagi memudahkan pemahaman ke atas kertas kajian ini, maka beberapa istilah yang akan digunakan sepanjang pengkajian perlu dijelaskan dan dinyatakan.

*Andragogi* ialah perkataan yang telah dipopularkan oleh Malcolm Knowles (Bapa Andragogi) pada tahun 1968 melalui buku terbitannya bertajuk *The Modern Practice of Adult Education: Andragogy Versus Pedagogy*, yang bermaksud sains dan seni untuk membantu pembelajaran golongan dewasa (Chris Lee, 1998). Andragogi ini mempunyai empat andaian asas yang menjadi kerangkakerja konsep teori andragogi ini iaitu:

- 1.7.1 Konsep diri - golongan dewasa mempunyai keperluan psikologikal yang mendalam untuk memperoleh sesuatu melalui pengarahan diri.
- 1.7.2 Pengalaman - golongan dewasa mempunyai pengalaman yang banyak dan terkumpul yang akan dijadikan sebagai sumber utama dalam pembelajarannya.
- 1.7.3 Ketersediaan untuk belajar - golongan dewasa ini bersedia untuk belajar sesuatu apabila ia diperlukan untuk menghubungkan pembelajaran yang baru dengan penghidupannya seperti memenuhi keperluan sosial dan keluarga.
- 1.7.4 Orientasi pembelajaran – golongan dewasa ini lebih berkecenderungan kepada orientasi pembelajaran yang lebih memfokuskan kepada penyelesaian masalah (Chris Lee, 1998).

*Pelaksanaan* ialah hasil daripada melaksanakan (mengerjakan, menyelesaikan) sesuatu rancangan: perihal atau perbuatan melaksanakan rancangan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).

*Teori* ialah pendapat yang dikemukakan untuk menerangkan sesuatu perkara, prinsip-prinsip am atau asas-asas kasar yang menjadi dasar pembentukan sesuatu pengetahuan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).

*Tahap* ialah peringkat atau tingkat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994).

BAHAGIAN II  
SOROTAN KAJIAN



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN TUN AMINAH

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan mengetengahkan beberapa pendapat dan idea-idea utama berhubung motif utama untuk kajian ini iaitu pelaksanaan kaedah pengajaran andragogi (pembelajaran dewasa) berdasarkan empat andaian asas teori Malcolm Knowles (Bapa Andragogi) seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 1. Andragogi telah digunakan istilahnya mulai tahun 1833 lagi di Jerman, kemudian digunapakai oleh golongan saintis Jerman pada tahun 1920-an dan golongan pendidik Eropah sebelum dipopularkan oleh Malcolm Knowles pada 1970 (Chris Lee, 2000). Andragogi merupakan satu kaedah pengajaran yang berlawanan dengan konsep pedagogi. Andragogi berasal daripada perkataan Greek iaitu 'anere' bermaksud dewasa dan 'agogos' iaitu sains dan seni untuk membantu golongan dewasa belajar (Donald Clark, 1999). Sebenarnya, penggunaan perkataan andragogi adalah sinonim kepada terma pembelajaran dewasa (adult learning) yang digunapakai oleh Edward Lee Thorndike (ahli psikologi Behavarius).

## 2.1 Kepentingan Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Andragogi

Andragogi bukan setakat satu teori pengajaran sahaja malahan merupakan satu gaya pengarahannya praktikal yang lebih baik dan mudah dipraktikkan. Oleh kerana golongan dewasa iaitu menurut Bernarrd R. Lovell (1987), bermula dari usia 16 tahun adalah golongan yang unik maka pelbagai mekanisme dan proses pembelajaran bagi golongan dewasa boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran terutamanya yang melibatkan pengalaman. Pelaksanaan andragogi lebih bersesuaian kepada golongan dewasa berbanding pedagogi iaitu sains dan seni untuk mendidik golongan kanak-kanak dalam proses pembelajaran (Chris Lee, 2000) kerana lebih memfokuskan kepada guru dan kurikulum yang berpiawai.

Menurut Dewey, guru dalam kaedah pedagogi bertanggungjawab dalam membuat keputusan 'apa', 'bagaimana' dan 'bila' aktiviti pembelajaran harus berlangsung dan ini tidak merangsang pemikiran pelajar dengan lebih aktif (Albert Einstein, 2000). Namun hakikatnya, pembelajaran dalam erti kata yang sebenarnya adalah proses aktif pemerolehan dan bukan proses penyerapan ilmu sahaja. Menyedari keperluan pembelajaran golongan dewasa perlu lebih kepada yang berpadanan, maka American Association of Adult Education telah memulakan langkah dengan cepat dalam penyelidikan mencari kaedah pendidikan yang lebih sesuai untuk golongan dewasa. Rentetan daripada hasil tersebut Malcolm Knowles pada tahun 1973, telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk 'The Adult Learner: A Neglected Species' sebagai satu percubaan untuk memformulakan teori pembelajaran dewasa secara lebih komprehensif. Tambah beliau lagi, pelajar atau golongan dewasa ini lebih cekap dalam menganalisis dan mensintesis apabila pembelajaran lebih berpusatkan kepada pelajar.

Andragogi penting dilaksanakan secara keseluruhannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia lebih menekankan kepada proses dan bukan kandungan

pembelajaran dan golongan dewasa ini juga adalah individu yang memiliki sifat pengarahan diri (self-directed) dan akan bertanggungjawab terhadap sebarang keputusan yang dibuat. Di samping itu, kajian pendidikan membuktikan bahawa apabila pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran ini, akan lebih memudahkannya untuk mengingat untuk mencapai kejayaan (Dewar, 1995; Hartman 1995, Leadership Project 1995). Golongan pengajar dalam konteks andragogi lebih berfungsi sebagai fasilitator untuk memudahkan proses pembelajaran. Ini kerana, dalam masa tersebut mereka mula merasakan 'empowered' dan peningkatan dalam pencapaian peribadi dan tingkat pengarahan diri (Jessica Blackmore, 1996).

Schroeder (1996) menambah bahawa pelajar pusat pengajian tinggi lebih suka kepada gaya pengajaran bervariasi. Birkey & Roodman (1995) turut menjelaskan bahawa bagaimana gaya pengajaran dan pembelajaran berlangsung didefinisikan dan diukur adalah amat penting untuk dititikberatkan. Dalam pada itu juga menurut Stephen Brookfield (1984), pelaksanaan kaedah andragogi lebih berkesan apabila diintergrasikan dengan penglibatan semua pihak dan ia dinyatakan empat cara iaitu:

1. Mempamerkan perubahan gaya dan kandungan terhadap perubahan dalam kemajuan dalam bilik darjah.
2. Berlaku perkongsian tanggungjawab dan kuasa.
3. Refleksi individu-individu berlaku dengan berkesan.
4. Semua ahli dalam kumpulan bertindakbalas terhadap perubahan yang berlaku dalam kemajuan kumpulan.

Kenyataan ini selari dengan 12 ciri dalam proses keperluan pembelajaran andragogi yang telah dikenalpasti oleh *Nottingham Andragogi Group*, tentang pentingnya pelaksanaan pengajaran andragogi kerana golongan dewasa lebih gemar berfikir secara kritikal dan tidak menerima interpretasi yang lain tanpa olahan daripada dirinya.

Dalam pada itu, melalui pelaksanaan andragogi juga, seseorang pengajar akan dapat melihat sesuatu perpekstif pembelajaran golongan dewasa ini dengan cara berbeza dan terdapat kelainan iaitu lebih kepada keseluruhan proses pembelajaran berbanding sekadar proses pemindahan ilmu dan maklumat sahaja (Geoff Bellman, 1998) dan ini akan menjadikan pelajar lebih berdikari.

Selain daripada itu, yang lebih utama, pelaksanaan andragogi ini merupakan satu usaha yang akan membawa kepada perubahan sosial terhadap diri, institusi dan profesionalisme (Moses Candy, Myles Horton; Paulo Freore) pelajar tersebut. Fenomena ini adalah hasil daripada konsep andragogi itu sendiri iaitu melihat pengalaman yang dimiliki oleh pelajar tersebut sebagai satu sumber yang paling penting untuk membantu dalam proses pembelajaran golongan dewasa melalui teknik pengalamam seperti penggunaan ujikaji, penyelesaian masalah, permainan simulasi dan lain-lain lagi.

Sehubungan dengan itu juga, melalui pelaksanaan kaedah andragogi akan lebih berkeupayaan untuk memotivasikan golongan dewasa ini berbanding kanak-kanak untuk belajar. Sehubungan dengan itu, terdapat enam perkara yang akan memotivasikan (Cantor, 1992) proses pembelajaran golongan dewasa ini iaitu:

1. Untuk membentuk dan mengekalkan perhubungan sosial.
2. Untuk memenuhi jangkaan luaran.
3. Mempelajari untuk memberikan layanan yang lebih baik.
4. Pencapaian profesionalisme.
5. Simulasi.
6. Minat sebenar terhadap perkara yang dipelajari tersebut.



## BIBLIOGRAFI

- Brookfield, Stephen. (1985) "A Critical Definition Of Adult Education". *Adult Education Quarterly*, 36 (1). pp 44-49.
- Cantor, Jeffry A. (1992) "Delivering Instruction To Adult Learner". Toronto: Wall & Emerson (pp 35-43).
- Clark, Donald. (1999) Edward Lee Thorndike.  
<http://www.nwlink.com/~donclark/hrd/history/history/.html>
- Cranton, Patricia. (1992) "Working With Adult Learner". Toronto: Wall & Emerson (pp 13-15 and 40-63)
- Dewar, Tammy. (1996) "Adult Learning Online".  
<http://www.cybercorp.net/tammy/lo/oned2/.html>
- Fraenkal, Jack R. And Wallen, Norman E. (1993). "How To Design And Evaluate Research Education" New York: Mcgraw-Hill Inc.
- Hartman, Virginia F. (1995). "Teaching And Learning Style Preferences: Transition Through Technology". *VCCA journal* 9, no.2 Summer : pp18-20.  
<http://www.so.cc.va.us/vcca/hart1.html>.
- Iran Herman. (1994) "Analisis Statistik Deskriptif". Selangor: Tekno Edar.
- Knowles, Malcolm s. (1970) "The Modern Practice Of Adult Learning :Andragogy Versus Pedagogy". New York : Association Press.
- Knowles, Malcolm S. (1984) "The Adult Learner : A Neglected Species (3<sup>rd</sup> Ed). Houston, TX: Gulf Publishing. <http://www.gwu.edu/tip/concept.html>.
- Lee, Chris. (1998) "The Adult Learner-Neglected No More". *TRAINING, Training Journal*.

Leadership Project. (1995) "Adult Learning Principles & Practice". Toronto: Sheridan College. <http://www.sheridanc.on.ca/wwwtst/AS/LeadershipProject/adultlearn.html>.

Lovell, R Bernard. (1987) "Adult Learning". New York: Vroom Helm.

Mohamad Najib Abdul Ghafar, (1999) "Penyelidikan Pendidikan". Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Perry, Gyle; Cubit, Ron And Yafe, Elaine, (2000) "Adult Learning Theory".  
<http://pepperdine.edu/gyperry/gvp/andragogy.html>

Rogers. Allan. (1994) "Teaching Adults". Philadelphia : Open University Press.

Schroeder, Charles C. (1996) "New Student – New Learning Style".  
<http://www.virtualschool.edu/mon/Academia/KierseyLearningStyles.html>

Sulaiman Ngah Razali. (1996) "Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan".  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Tuckman, Bruce W. (1978) "Conducting Educational Research, Second Edition".  
New York : Harcourt Brace Jovanovich, Publisher.

